

Sidang akademik 25-26 Mac

KOTA KINABALU: Sekolah Sains Sosial Universiti Malaysia Sabah akan menganjurkan persidangan mengenai kerjasama akademik melibatkan negara-negara Kawasan Pertumbuhan Asia Timur (Brunei- Indonesia- Malaysia-Filipina) pada 25 dan 26 Mac ini.

Persidangan itu yang bertajuk Regional Conference on Academic Cooperation di BIMP-EAGA: Prospects and Challenges di harap dapat menarik agensi-agenasi dan para petugas pembangunan sosial, para penyelidik, tenaga pengajar dan anggota masyarakat yang berminat bagi memikir dan membincangkan kemungkinan-kemungkinan serta cabaran dalam sektor akademik di kawasan ini.

Juga diharapkan bahawa persidangan ini akan menjurus kepada:

- Pembinaan hubungan antara institusi-institusi akademik di kawasan BIMP-EAGA,
- Pengenalpastian bidang-bidang yang boleh menjadi tumpuan bersama untuk pertukaran akademik,
- Pengenalpastian program-program penyelidikan bersama/usaha sama, dan
- Perbincangan tentang peranan saintis sosial dalam membantu memantau kemajuan dan dampak projek-projek yang dilaksanakan di kawasan BIMP-EAGA.



MS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH